



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 13 JUN 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM RANGKA STRATEGI HADAPI MONSUN BARAT DAYA, NASIONAL, SINAR HARIAN - 10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	TANAH TERBIAR DIBANGUNKAN BAGI TUJUAN PERTANIAN, SG4: KELANTAN, HAKAKAH- H11	
3.	KPKM RANGKA STRATEGI HADAPI PERUBAHAN CUACA, NASIONAL, BERITA HARIAN- 1	
4.	KUASAI PENTERNAKAN LEMBU PEDAGING HIBRID, SG4: KELANTAN, HAKAKAH- H12	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5.	PUSAT PENGUMPULAN SUSU KAMBING HASIL KERJASAMA ECERDC, SG4: KELANTAN, HAKAKAH- H11	
6.	KELANTAN SEBAGAI JELAPANG MAKANAN NEGARA, SG4: KELANTAN, HAKAKAH – H10	LAIN-LAIN
7.	PRODUK SEJUK BEKU, BERAS SELUDUP DIRAMPAS, NEGERI, SINAR HARIAN – 27	
8.	RM6.79 JUTA DIPERUNTUK BANGUNKAN SEKTOR PERTANIAN, SG: KELANTAN, HAKAKAH- H10	
9.	HASIL PERTANIAN TEMPATAN TIDAK DIKENAKAN CUKAI JUALAN, BISNES, HARIAN METRO- 22	
10.	KERAJAAN NEGERI PULIHKAN PROJEK JELAPANG LANGKAP, SG: TERENGGANU, HAKAKAH- H14	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

13/6/2025

SINAR

NASIONAL

10

HARIAN

KPKM rangka strategi hadapi Monsun Barat Daya

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang merangka pelbagai strategi bagi memastikan sektor pertanian negara kekal mampan dan tidak terjejas ketika berdepan Monsun Barat Daya yang kini melanda negara.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, perubahan cuaca yang semakin ketara pada masa ini memerlukan perancangan rapi termasuk menyusun semula jadual tanaman dan memperluaskan kawasan pengeluaran hasil pertanian ke negeri-negeri yang berpotensi seperti Sabah dan Sarawak.

"Kita tak boleh lagi bergantung kepada satu-satu kawasan sahaja untuk pengeluaran hasil. Perubahan iklim dan ancaman cuaca yang berbeza di setiap negeri memerlukan kita mempelbagaikan sumber."

"Kalau di Pantai Timur berlaku banjir besar, mungkin Pantai Barat atau Sabah dan Sarawak tidak terjejas."

"Sebab itu kita mahu jadikan Sabah dan Sarawak sebagai pengeluaran utama beras dan hasil pertanian pada masa hadapan," katanya pada sidang akhbar majlis

pra pelancaran Hari Peladang, Penternakan dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2025 di sini pada Rabu.

Menurutnya, Kementerian sentiasa memantau bekalan dan serangan penyakit bagi memastikan keterjaminan makanan terpelihara.

"Setakat ini ternakan ayam, telur dan hasil utama lain berada dalam keadaan baik serta tidak terjejas dengan serangan penyakit besar tahun ini."

"Kalau berlaku serangan di luar kawalan seperti penyakit ternakan babi di Sepang dan Kuala Langat, kita akan ambil tindakan segera termasuk pemusnahan ternakan yang terlibat," katanya.

Beliau menambah, jadual tanaman padi juga sentiasa disusun semula berdasarkan ramalan cuaca dan perubahan iklim semasa bagi memastikan pengeluaran hasil tidak terjejas.

"Kita sentiasa berusaha lakukan penyesuaian dalam semua aspek



MOHAMAD

Bencana Negara (Nadma), Datuk Abdul Halim Hamzah berkata, situasi ENSO itu diramal berterusan sehingga Oktober depan.

"Secara ringkasnya kita boleh jangkaan monsun lebih biasa tanpa pengaruh ekstrem berbanding tahun sebelumnya," katanya dalam sesi taklimat persediaan menghadapi MBD di sini pada Khamis.

Menurutnya, kesan cuaca kering ini masih boleh menyebabkan punca risiko kesihatan, kekurangan bekalan air, kebakaran hutan dan belukar serta jerebu dan jika berpanjangan, ia boleh menjejaskan hasil pertanian.

supaya sektor pertanian negara terus terjamin meskipun berdepan cabaran cuaca," katanya.

Sementara itu, Monsun Barat Daya melanda negara ketika ini lebih biasa tanpa pengaruh ekstrem susulan status semasa El Niño Southern Oscillation (ENSO) kini berada dalam fasa neutral.

Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Datuk Abdul Halim Hamzah berkata, situasi ENSO itu diramal berterusan sehingga Oktober depan.

"Secara ringkasnya kita boleh jangkaan monsun lebih biasa tanpa pengaruh ekstrem berbanding tahun sebelumnya," katanya dalam sesi taklimat persediaan menghadapi MBD di sini pada Khamis.

Menurutnya, kesan cuaca kering ini masih boleh menyebabkan punca risiko kesihatan, kekurangan bekalan air, kebakaran hutan dan belukar serta jerebu dan jika berpanjangan, ia boleh menjejaskan hasil pertanian.

13/6/2025

HARAKAH

SG4:

H11

KELANTAN

Tanah terbiar dibangunkan bagi tujuan pertanian

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

KOTA BHARU: Di bawah gagasan Kelantan Jelapang Makanan Negara, kerajaan negeri juga memberi tumpuan terhadap pembangunan tanah terbiar yang berpotensi dimajukan dengan sektor pertanian.

Menteri Besar, Dato' Panglima Perang Ustaz Mohd Nassuruddin Daud berkata, sejak 2006 sehingga 2023 sebanyak 3332.95 hektar tanah terbiar telah dibangunkan dengan peruntukan lebih RM26 juta.

Beliau berkata, daripada jumlah itu RM12.6 juta disalurkan oleh kerajaan negeri, sementara RM13.74 juta merupakan dana Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan

“Menerusi inisiatif tersebut kira-kira 48 petani di negeri itu mendapat manfaat besar dengan mengusahakan tanaman limau madu, durian, jambu batu, kelapa, tembikai dan sayur-sayuran.

Makanan.

“Kerana itu, kerajaan negeri sentiasa memberikan kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi membangunkan sektor pertanian negeri Kelantan.

“Alhamdulillah, pada tahun 2024 ini, sebanyak 11 projek kerjasama antara kerajaan

negeri dan KPKM bagi mengoptimalkan penggunaan tanah pertanian dengan peruntukan RM8.174 juta,” katanya.

Menerusi inisiatif tersebut kira-kira 48 petani di negeri itu mendapat manfaat besar dengan mengusahakan tanaman limau madu, durian, jambu batu, kelapa, tembikai dan sayur-sayuran.



Dato' Panglima Perang Ustaz Mohd Nassuruddin Daud

Tanah yang diusahakan kata beliau lagi, membabitkan tanah sendiri mahupun tanah yang disewa dengan ke-

mampuan menjana pendapatan anggaran lebih RM18 juta dalam tempoh lima tahun.

Malah, kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri sentiasa membuka permohonan setiap tahun bagi pembangunan tanah terbiar seluruh Kelantan selagi pemohon berusia 18 tahun ke atas.

Selain itu permohonan juga memiliki tanah yang sesuai sekurang-kurang 0.40 hektar atau satu ekar selain mempunyai geran, surat perjanjian, surat kebenaran mengusahakan mana-mana tanah terbabit.

Sebagai perancangan jangka pendek, kerajaan negeri memperuntukkan dana sebanyak RM600,000 kepada Jabatan Pertanian Negeri untuk diagihkan kepada daerah-daerah bagi mencapai tujuan itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	1

KPKM rangka strategi hadapi perubahan cuaca

Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) giat merangka pelbagai strategi jangka pendek dan panjang bagi memastikan bekalan makanan negara kekal stabil dan mencukupi dalam berdepan perubahan cuaca yang tidak menentu.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata perubahan iklim yang tidak dapat dijangka menuntut kementeriaannya untuk terus meneroka pendekatan baharu dalam menjamin keterjaminan makanan negara.

"Perubahan cuaca ini memang sentiasa berlaku sekarang. Sebab itu, kita di Kementerian memikirkan pelbagai cara supaya bekalan makanan tidak terjejas.

"Kita tak boleh lagi bergantung kepada satu kawasan atau satu sumber sahaja," katanya selepas menyempurnakan Majlis Pra Pelancaran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK), di sini semalam.

Mohamad berkata, antara langkah itu adalah memberi tumpuan kepada potensi negeri seperti Sabah dan Sarawak sebagai kawasan tambahan untuk pengeluaran makanan utama negara.

Katanya, ia termasuk penanaman padi dengan mengambil kira perbezaan zon cuaca dan risiko bencana berbanding Semenanjung.

"Kalau di Semenanjung, contohnya banjir besar sering berlaku di Pantai Timur tapi di Pantai Barat, keadaannya mungkin berbeza.

"Begitu juga utara dan selatan yang masing-masing ada cabaran tersendiri. Maka kita perlu sesuaikan jenis tanaman dan waktu tuai mengikut keadaan setempat," katanya.

Mohamad berkata, Kementerian juga bekerjasama rapat dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia) dan agensi berkaitan untuk menyusun semula jadual tanaman serta langkah kawalan serangan penyakit, khususnya terhadap ternakan.

Beliau berkata, pemantauan berkala dan kesiapsiagaan menghadapi sebarang kemungkinan menjadi keutamaan Kementerian bagi memastikan sektor pertanian negara kekal mampan dan tidak terkesan secara drastik oleh perubahan iklim.

"Langkah ini kita pantau dari semasa ke semasa. Dengan kerjasama semua pihak, termasuk nasihat pakar dan agensi teknikal, kita yakin dapat terus lindungi sumber makanan negara," katanya.

Mengenai Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan, Mohamad berkata, sambutan diadakan di Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu, pada 1 hingga 3 Ogos ini dan bakal dirasmikan Perdana Menteri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2025	HARAKAH	SG4: KELANTAN	H12

Kuasai penternakan lembu pedaging hibrid



Projek pertanian sayur-sayuran dijalankan secara sistematik.



Projek pertanian sayur-sayuran secara hidroponik dibina dan menjalankan pertanian secara sistematik.



Kelantan menjadi peneraju utama penternak lembu hibrid sado hasil kacukan lembu tempatan dan lembu baka luar negara.



Projek penternakan lembu hibrid di Rong Chenok Agro Valley, diselia oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK).

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

KOTA BHARU: Kelantan menguasai penternakan lembu hibrid mewakili 94.4 peratus daripada keseluruhan 25,711 lembu hibrid di negara ini dengan nilai keseluruhan mencecah RM193

juta. Malah, di negeri ini kini mempunyai 24,291 ekor lembu hibrid berkualiti tinggi yang ditenak seramai 5,500 penternak iaitu 94.7 peratus daripada 5,807 penternak di seluruh Malaysia.

Jumlah daging dihasilkan sebanyak 5,518.2 tan daripada

22 ladang penternakan yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan sebagai pengeluar daging hibrid NAIMbif.

Bagi memperkukuhkan lagi usaha itu di bawah gagasan Kelantan sebagai Jela-pang Makanan Negara, kerajaan negeri memperuntukkan

RM1.89 juta bagi projek penternakan lembu pedaging hibrid.

Projek bertempat di Rong Chenok Agro Valley (RCAV) Pasir Mas itu diselia oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) menjadi pemangkin terhadap inisiatif tersebut kelak.

Sebanyak 100 ekar tanah di kawasan RCAV itu digunakan bagi membina kemudahan serta penanaman rumput kepada lembu hibrid NAIMbif dijangka dapat menampung sehingga 100 ekor lembu.

Selain itu antara projek dibangunkan dalam RCAV ialah penternakan rusa dengan populasi melebihi 450 ekor yang menjadikannya sebagai

pusat penternakan rusa terbanyak di Kelantan.

Projek pertanian sayur-sayuran secara hidroponik turut menjadi elemen penting dalam RCAV dan sebuah pusat hidroponik telah dibina dan menjalankan pertanian secara sistematik.

"Ini merupakan satu inisiatif kerajaan membantu mengeluarkan bekalan sayur dan rumah pelindung hujan dilengkapi sistem hidroponik yang mampu menghasilkan 12,000 pokok serentak.

"Harapan saya untuk menjadikan pusat ini dijadikan sumber rujukan dan latihan petani mempelajari sistem hidroponik dimasa hadapan," kata Dato' Ustaz Tuan Mohd Sariipudin Tuan Ismail.

13/6/2025

HARAKAH

SG4:

H11

KELANTAN

Pusat Pengumpulan Susu Kambing hasil kerjasama ECERDC

PUTRAJAYA: Kelantan memeterai perjanjian kerjasama (MoU) bersama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) bagi memperkukuhkan industri ternakan kambing tenusu di negeri itu.

Pemeteraian perjanjian tersebut dibuat antara kedua-dua pihak itu disaksikan oleh Menteri Besar Kelantan, Dato' Panglima Perang Ustaz Mohd Nassuruddin Daud dalam satu majlis yang diadakan di sini.

Langkah tersebut memberi fokus terhadap pembangunan Pusat Pengumpulan Susu Kambing (GMCC) yang bertempat di Kereh dan Pasir Puteh, menjadi pencapaian penting dalam sektor tersebut.

Sekali gus inisiatif itu bakal memenuhi permintaan pasaran yang semakin meningkat kerana GMCC berperanan sebagai hab pusat pengumpulan utama di rantau Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Selain itu pusat pengumpulan susu kambing itu juga mempunyai kawalan kualiti yang lebih baik, saluran pem-



Menteri Besar Kelantan bersama pasukan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).



prosesan dan pengedaran lebih cekap disamping meningkatkan daya saing pasaran.

ECERDC dalam kenyataannya berkata, perjanjian tersebut menandakan fasa seterusnya untuk memperkukuhkan industri itu dan dijangka dapat mengumpul sebanyak 730,000 liter susu menjelang 2029.

Kelantan juga mempunyai potensi besar dalam sektor pertanian, malah kerjasama tersebut merupakan langkah strategik dalam merealisasikan prospek dalam tempoh empat tahun akan datang.

GMCC bukan sahaja membuka peluang ekonomi kepada penternak tempatan,

tetapi menjadi negeri Pantai Timur itu sebagai salah satu pemain utama dalam sektor halal dan industri tenusu di Malaysia.

"Jumlah ini bukan sahaja dapat memenuhi permintaan pasaran tempatan dan antarabangsa semakin meningkat, tetapi juga akan menjadi pe-

mangkin pertumbuhan sektor kambing tenusu di Kelantan.

"Peningkatan kapasiti pengeluaran GMCC dijangka mampu merancakkan lagi ekonomi pertanian tempatan dengan menyediakan peluang pendapatan yang tetap kepada penternak kambing," katanya.

Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara

Oleh **MUHAMMAD ARIF ISMAIL**

KOTA BHARU: Kerajaan negeri merangka Dasar Pertanian Negeri Kelantan dibawah Dasar Penghayatan Membangunan Bersama Islam bagi mencapai sasaran Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agro-makanan dan Komoditi, Dato' Ustaz Tuan Mohd Saripuddin Tuan Ismail berkata, pelbagai strategi dilaksanakan bagi merealisasikan hasrat terabit.

Beliau berkata, pada tahun 2025 pihaknya memberi tumpuan kepada projek utama iaitu Rong Chenok Agro Valley (RCAV), Kilang Padi Darul Naim, dan Projek Ternakan Haiwan Tenusu.



Dato' Tuan Mohd Saripuddin Tuan Ismail

"Kita mahu menjadikan Kelantan sebagai jelapang makanan secara berlipat kali

ganda pengeluaran tanaman makanan dan industri pengeluaran ternakan serta perikanan.

"Sehubungan itu, pembangunan sektor ini melalui pembangunan pertanian intensif, pengkomersilan dan pertanian berskala besar, penggunaan teknologi moden dan penyertaan swastaan di galakkan," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selising itu berkata, pihaknya kini dalam proses pengecaman tapak seluas 10 ekar bagi Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan Lojing (CPPC LOJING).

Tanah Tinggi Lojing mun-cul sebagai pengeluaran kedua tertinggi di Malaysia bagi tanaman tomato dengan pengeluaran sebanyak 70,706 metrik

tan (mt) dan kacang buncis 1,714 mt di negara ini.

Selain itu kata beliau lagi, kawasan itu turut menjadi pengeluaran ketiga tertinggi bagi tanaman kobis bulat (536 mt), bahkan perkembangan itu bakal menjadi tarikan bagi menjana agro-pelancongan.

"Selain projek mercu tanda bagi memperkukuhkan sektor pertanian, kita juga memberi tumpuan kepada CPPC Lojing yang sekarang dalam proses pengecaman tapak seluas 10 ekar di kawasan tanah tinggi.

"Kita juga mengalu-alukan penglibatan pihak swasta dalam mewujudkan kawasan pertanian dan agro pelancongan berkaitan insentif disediakan oleh pihak kerajaan bagi pembangunan ini," katanya.

Produk sejuk beku, beras seludup dirampas

KOTA BHARU - Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas pelbagai jenis makanan sejuk beku termasuk ayam, beras Siam seludup dan kenderaan yang dianggarkan bernilai RM64,600 dalam serbuan berasingan di Rantau Panjang serta Tumpat pada Selasa.

Rampasan itu dilakukan menerusi Op Taring Wawasan di Kampung Cherang Melintang dan pangkalan haram Kampung Simpangan. Komander Briged Tenggara, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, serbuan pertama jam 9 pagi

itu membawa kepada rampasan 650 kilogram (kg) beras seludup dari Thailand bernilai RM2,600.

“Beras itu kita temukan dalam kenderaan jenis Perodua Kancil hasil pemeriksaan di lokasi,” katanya pada Khamis.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Seksyen 20 Akta Kawal Selia Padi dan Beras 1994.

Tambah beliau, serbuan kedua pada jam 11.30 pagi dilakukan selepas PGA menahan sebuah kenderaan di pangkalan haram Kampung Simpangan.

Nik Ros Azhan berkata, hasil pemeriksaan membawa kepada penemuan 603kg makanan sejuk beku dan 240kg ayam sejuk beku yang disyaki diseludup masuk dari Thailand melalui pangkalan haram.

“Seorang wanita berusia 48 tahun dipercayai menjadi penghantar barang itu ke pasaran tempatan turut ditahan. Rampasan dianggarkan bernilai RM64,000 termasuk kereta dan kes disiasat bawah Seksyen 135(1) (d) Akta Kastam 1967,” katanya.



Sebanyak 650kg beras seludup dari Thailand bernilai RM2,600 dirampas dalam serbuan Op Taring Wawasan pada Selasa.

RM6.79 juta diperuntuk bangun sektor pertanian

KOTA BHARU: Kerajaan negeri membelanjakan sebanyak RM6.79 juta bagi pembangunan sektor pertanian pada tahun 2025 bagi merealisasikan hasrat menjadikan Kelantan sebagai jelang Makanan Negara.

Menteri Besar, Dato' Panglima Perang Ustaz Mohd Nassuruddin Daud berkata, selain itu peruntukan tersebut turut membolehkan agenda menambah baik Geran Pertanian al-Falah yang dirangka oleh kerajaan negeri.

Langkah itu menurutnya membabitkan pembangunan Rong Chenok Agro Valley, Kilang Padi Darulnaim di Meranti dan pembangunan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan Lojing (CPPC Lojing).

"Perubahan yang dilakukan ini diharapkan dapat memberi kesan kepada peningkatan eksport dan pembangunan industri makanan terutamanya memanfaatkan kekuatan kita sebagai pengeluar pertanian berkualiti.



Dato' Panglima Perang Ustaz Mohd Nassuruddin Daud mempengerusikan mesyuarat bagi membangunkan sektor pertanian di Kelantan.

"Melalui inovasi dan nilai tambah dalam pertanian juga lebih banyak produk pertanian kita seperti hasil padi, durian dan produk organik akan menembusi pasaran dan memberi impak positif pada ekonomi negeri," katanya. Bagi mencapai agenda itu,

beliau turut menekankan kepentingan pelaksanaan projek tersebut secara strategik dan menyeluruh dalam merealisasikan sasaran Kelantan sebagai jelang makanan negara pada 2025.

Beliau berkata penubuhan Perbadanan Kemajuan Pertanian Kelantan (PKPK) yang ditubuhkan pada 2014 di bawah Enakmen Perbadanan Negeri Kelantan dilihat mampu merencanakan lagi hasrat disamping komitmen kerajaan.

"Kita mahu menegaskan bahawa kepentingan pelaksanaan projek-projek pertanian ini secara menyeluruh dalam merealisasikan sasaran menjadikan Kelantan sebagai Jelang Makanan Negara pada tahun 2025.

"Banyak inisiatif sedang berjalan dan akan terus dilaksanakan dalam usaha memperkukuh sektor pertanian sebagai antara penyumbang utama kepada keselamatan makanan negara dan menjaga pembangunan ekonomi rakyat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2025	HARIAN METRO	BISNES	22

Hasil pertanian tempatan tidak dikenakan cukai jualan

Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan (MOF) menjelaskan bahawa hasil pertanian yang ditanam di Malaysia tidak akan dikenakan cukai jualan di bawah peluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Kementerian itu berkata, terdapat laporan berita yang mempersoalkan pelaksanaan cukai jualan ke atas buah-buahan tempatan.

"Ini mungkin timbul akibat daripada kekeliruan buah-buahan tropika yang dimasukkan dalam perintah warta cukai jualan, yang menyenaraikan item tersebut tertakluk kepada cukai jualan 5.0 peratus.

"Di bawah peluasan cukai jualan dan perkhidmatan yang akan berkuat kuasa pada 1 Julai depan, cukai jualan dikenakan ke atas barangan keluaran tempatan dan barangan import," katanya dalam satu kenyataan.

MOF berkata, hasil pertanian yang ditanam di Malaysia tidak dikilangkan, oleh itu ia tidak tertakluk kepada cukai jualan.

"Sehubungan itu, MOF ingin mengesahkan bahawa buah-buahan yang ditanam dalam negara dikecualikan daripada cukai jualan. Bagaimanapun, jika buah-buahan itu diimport, maka ia akan dikenakan cukai jualan. Ini termasuk buah-buahan tropika seperti pisang, nanas dan rambutan," katanya.

MOF juga memberikan penjelasan berhubung keseimbangan syarikat mengenai masa tidak mencukupi untuk melaksanakan cukai perkhidmatan menjelang 1 Julai depan.

"Bagi syarikat yang pada masa ini tidak berdaftar di bawah SST, tetapi menyediakan salah satu perkhidmatan baharu yang boleh dikenakan cukai, seperti penyewaan, pada Julai depan, mereka perlu terlebih dahulu menentukan sama ada mereka telah mencapai ambang hasil RM500,000 untuk sewaan dalam tempoh dua belas bulan," kata kementerian itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2025	HARAKAH	SG4:	H14


Kerajaan negeri pulihkan projek Jelapang Langkap

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

SETIU: Projek Pengairan Kampung Jelapang Langkap yang terbengkalai sejak 2007 bakal dipulihkan secara berperingkat bagi memastikan ia dapat dimanfaatkan untuk tanaman padi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Negeri, Dato' Dr Azman Ibrahim berkata, projek seluas kira-kira 400 hektar yang menelan kos RM47 juta itu belum lagi dapat digunakan disebabkan oleh pelbagai isu teknikal.

"Antara masalah yang timbul termasuk isu pengairan, tanah jerlus, sisa kayu dalam petak sawah serta beberapa perkara lain," katanya.



Azman Ibrahim (baju kelabu) ketika melawat Tapak Projek Penanaman Padi Skim Pengairan Padi di Kampung Jelapang, Langkap pada 4 Jun lalu.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan Lawatan Ke Tapak Projek Penanaman Padi Skim Pengairan Padi di Kampung Jelapang, Langkap, pada 4 Jun lalu.

Menurut beliau, Terengganu Agrotech Development Corporation (TADC) selaku anak syarikat kerajaan negeri, bersama syarikat tempatan, Qudsi Global, sedang berkolaborasi untuk memulihkan projek itu walaupun ia sukar.

"Lawatan lokasi bersama Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Pertanian, Pejabat Daerah Setiu, TADC dan Syarikat Qudsi Global untuk kita selesaikan secara berperingkat satu persatu isu dan permasalahan yang berbangkit seterusnya membangunkan tanaman padi di sini secara bertasa," jelasnya.